

27 JUN 2003

MIC-Khidmat/I

NAJIB AKAN BERI TAKLIMAT MENGENAI KHIDMAT NEGARA KEPADA NGO INDIA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak akan memberikan taklimat kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan belia India mengenai program Khidmat Negara tidak lama lagi, kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata walaupun MIC, parti politik kaum India terbesar di negara ini, menyokong program Khidmat Negara, adalah penting bagi Najib untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai program itu kepada masyarakat.

"Beliau telah bersetuju untuk memberikan taklimat mengenai Khidmat Negara," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa kerja pusat parti itu di sini.

Beliau berkata masa dan tarikh bagi taklimat itu masih belum diputuskan dan MIC sedang menunggu butirannya daripada Najib.

Program Khidmat Negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dilaksanakan tahun depan.

Mengenai biasiswa kerajaan, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata MIC tidak puas hati dengan kriteria yang digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tujuan itu.

"Terdapat pelajar yang memperoleh 11 dan 12 A tetapi tidak diberikan biasiswa. Kita telah meminta pelajar terbabit agar membuat permohonan semula dan merayu terhadap keputusan JPA," katanya.

Beliau berkata MIC berpendapat perlu ada kriteria seragam untuk memilih calon terbaik bagi diberikan biasiswa.

"Ramai pelajar yang mengadu. Saya telah berbincang dengan Ketua Pengarah JPA (Datuk Seri Ahmad Damanhuri) dan beliau telah membantu dalam beberapa kes tetapi kita tidak boleh kendalikan setiap kes untuk setiap tahun," katanya.

Beliau juga melahirkan rasa kecewa bahawa hanya seorang calon India diberikan tempat untuk mengikuti jurusan perubatan di Universiti Malaya tahun ini berbanding 16 di masa lepas.

"Saya telah bawa perkara ini ke perhatian Menteri Pendidikan (Tan Sri Musa Mohamad) dan beliau telah bersetuju untuk memberikan lima tempat tetapi bukan di Universiti Malaya. Kami berpendapat bahawa 16 tempat di universiti patut diberikan semula kepada masyarakat India," katanya.

Menurut Samy Vellu, terdapat kira-kira 400 pelajar India mengambil jurusan perubatan di Russia, 70 di Romania dan 120 di Indonesia, masing-masing membelanjakan lebih US\$50,000 (RM190,000).

"Kesemua mereka tidak mendapat bantuan daripada sesiapa, kecuali MIC yang memberikan bantuan pelajaran. Tetapi wujud masalah lain...pihak Kementerian Pendidikan suka menukar pemikiran mereka sesuka hati mengenai kolej perubatan mana yang boleh diiktiraf atau tidak.

"Nasihat kepada para ibu bapa ialah mereka perlu memeriksa terlebih dahulu sama ada universiti itu diiktiraf. Kita tidak mahu membazirkan masa dan wang dengan menghantar pelajar kita ke tempat yang ijazahnya tidak diiktiraf," katanya.

Katanya beliau akan membawa perkara itu ke perhatian mesyuarat Kabinet dan juga dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

SR AHH RHM